

SOALAN NO: 65

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Tuan Budiman bin Mohd Zohdi
[Sungai Besar]

SOALAN : Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai
Besar] minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :-

adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan atau program sokongan bagi menggalakkan pesawah padi di negara ini menceburi bidang janaan pendapatan lain sementara menunggu hasil tuaian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa menggalak dan menyokong pesawah menceburi bidang janaan pendapatan lain sementara menunggu hasil tuaian dengan menjalankan aktiviti pertanian yang bersesuaian seperti:

- i) aktiviti akuakultur dan ternakan;
- ii) sektor industri asas tani seperti pemprosesan produk makanan yang diperkukuhkan dari semasa ke semasa; dan
- iii) program tanaman selingan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran di kawasan luar jelapang.